

12/12/1999

Tengku Razaleigh tidak terkilan

Rasid Rahaman

KOTA BHARU: Tengku Razaleigh Hamzah tidak terkilan tidak disenaraikan dalam Kabinet Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad walaupun sebelum ini diramalkan dilantik sebagai menteri.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan itu berkata, pelantikan itu tidak penting kerana beliau berada dalam parti itu dari awal sehingga sekarang bukan bertujuan menjadi anggota Kabinet atau pentadbiran.

"Saya ini gurkha daripada dulu, gurkha hingggga sekarang gurkha juga. Saya boleh mainkan peranan membantu pemimpin jika masih diperlukan," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa di sini, semalam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas Kabinet baru Perdana Menteri yang diumumkan kelmarin, tidak mempunyai seorang pun wakil dari Terengganu dan Kelantan, yang kini dikuasai Pas termasuk beliau yang diramalkan dilantik sebagai menteri, tiada dalam senarai itu.

Tengku Razaleigh berkata, mungkin beliau tidak memenuhi kriteria ditetapkan Perdana Menteri.

Bagaimanapun, beliau tetap berpuas hati kerana masih berada di luar Kabinet kerana hanya melalui cara itu beliau dapat tumpukan banyak masa kepada kerja parti untuk mengukuhkan sokongan orang Melayu kepada Umno.

"Ini penting kerana kita dapati pada pilihan raya umum lalu, sokongan orang Melayu kepada Umno kurang dan kita cukup sedar mengenai perkara ini," katanya.

Beliau yang juga Ahli Parlimen tunggal Barisan Nasional (BN) yang menang di Kelantan, berkata penubuhan Kabinet baru Perdana Menteri itu mampu memikul tanggungjawab sebagaimana rakyat memberi mandat kepada BN pada pilihan raya umum, baru-baru ini.

Malah, katanya anggota Kabinet yang dilantik itu juga memenuhi kriteria yang ditetapkan kerana bukan semua orang boleh dipilih masuk Kabinet.

"Cuma di Kelantan ini nampaknya tidak ada wakil. Juga di Terengganu. Biar pun begitu, penjelasan sudah diberi oleh Perdana Menteri mengenai hal ini, Jadi kita kena terimalah apa yang diputuskan beliau," katanya.

Ditanya adakah rakyat Kelantan sedih kerana tidak ada wakil mereka dalam Kabinet Perdana Menteri, Tengku Razaleigh berkata, itu kena tanya rakyat Kelantan sendiri.

"Rakyat Kelantan sudah buat keputusan untuk memilih kerajaan Pas untuk berkuasa di negeri ini. Maka kerajaan Pas bertanggungjawab di Kelantan, tetapi dalam bidang kuasa Pusat, tentulah Pusat akan mengambil tindakan utama," katanya.

Mengenai pelantikan bekas Timbalan Presiden Parti Melayu Semangat 46 (S46) Datuk Dr Rais Yatim sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Razaleigh berkata, Rais cukup kriterianya.

"Dia ahli Umno dan menepati kriteria yang ditetapkan oleh Perdana Menteri. Baguslah dia dibawa masuk ke dalam Kabinet, baguslah...saya rasa dia boleh memainkan peranan untuk membantu Perdana Menteri. Kita menghadapi banyak masalah menjelang alaf baru ini.

"Kalau kita tengok pada pilihan raya lalu, pengundi kebanyakan generasi yang berpengetahuan, tidak seperti 25 tahun lalu.

"Kita rasa mereka hendak berubah. Mereka berani membuat keputusan dan kita kena hormat keputusan pengundi. Kita mesti ambil iktibar daripada keputusan itu. Mesti ikut kehendak mereka terutama dalam memperkenalkan dasar dan amalan dalam kerajaan," katanya.

(END)